



Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan

Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit

BH
Berita Harian

Industri komoditi terus diutamakan

» RM2.9 bilion peruntukan majukan sektor perladangan, komoditi negara

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Pagoh

Kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada industri komoditi terutama sektor sawit dan getah termasuk menyokong pelaksanaan Dasar Komoditi Negara (DKN) dengan menyediakan peruntukan diperlukan.

Sejumlah RM2.9 bilion disediakan bagi menampung keperluan belanja mengurus dan pembangunan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) untuk terus memajukan industri perladangan dan komoditi negara bagi tahun 2013.

"Ini termasuk hampir RM635 juta bagi pelaksanaan projek di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA)," kata Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika berucap merasmikan program Hello Komoditi anjuran MPIC di sini, baru-baru ini.

Percepat tanam semula

Menurutnya, bagi komoditi sawit, projek permulaan NKEA pada pe-

ringkat hulu meliputi usaha mempercepat tanam semula sawit, meningkatkan hasil pengeluaran minyak sawit dan meningkatkan produktiviti sawit.

"Pada peringkat hiliran pula, projek terbabit adalah pembangunan bahan terbitan oleokimia, pengkomersilan biofuel generasi kedua dan penggalakkan penghasilan makanan dan bahan kesihatan berasaskan sawit.

Katanya, Kerajaan berharap pelaksanaan projek NKEA akan memberi impak besar kepada kemajuan industri sawit dan getah negara sekali gus membantu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup pekebun kecil yang terbabit.

"Kerajaan menyedari peranan dan sumbangan penting sektor perladangan dan komoditi dalam pembangunan negara, terutama bagi memajukan masyarakat di luar bandar.

Sementara itu katanya, sebagai negara perdagangan dan mengamalkan ekonomi terbuka, produk komoditi yang dihasilkan di negara ini diekspor ke pelbagai pasaran luar di luar negara.

"Oleh itu, harga komoditi berkenaan dipengaruhi pelbagai faktor termasuk prestasi ekonomi dunia, bekalan dan persaingan pasaran," katanya.

Menurutnya, walaupun harga komoditi sawit dan getah mengalami penurunan pada tahun 2012, beliau percaya harga komoditi berkenaan akan kembali kukuh.

"Ingin saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan sentiasa berusaha menentukan harga komo-



Tan Sri Muhyiddin Yassin menyampaikan ucapan perasmian pada Program Hello Komoditi Pagoh.

diti utama stabil dan pendapatan penduduk luar bandar yang bergantung kepada komoditi berkenaan tidak akan terjejas teruk," katanya.

Struktur semula duti

Katanya, bagi industri sawit, penstrukturan semula duti eksport minyak sawit mentah (MSM) yang dilaksanakan mulai 1 Januari lalu meningkatkan daya saing pengekspor MSM Malaysia.

"Di samping itu, kemudahan

“Kerajaan sentiasa berusaha menentukan harga komoditi utama stabil dan pendapatan penduduk luar bandar tidak akan terjejas teruk”

Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri

di bawah Skim Eksport MSM Tanpa Duti juga dihapuskan.

"Langkah yang diambil Kerajaan terbukti berkesan kerana harga MSM pada masa ini adalah lebih baik berbanding harga pada Januari lalu," katanya.

Turut hadir pada majlis perasmian itu ialah Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin, Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

RM918.5 juta biayai 22 jenis bantuan, insentif sektor komoditi

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad watie@mpob.gov.my

Pagoh: Sejumlah RM918.5 juta diperuntukkan bagi membiayai 22 jenis bantuan dan insentif bagi membantu usahawan dan pekebun kecil industri komoditi pada tahun 2013.

Bantuan dan insentif berkenaan bertujuan meningkatkan taraf hidup golongan berkenaan dan pada masa sama melonjakkan pengeluaran hasil komoditi negara.

"Insentif dan bantuan ini ada-

lah pengiktirafan Kerajaan terhadap usahawan dan pekebun kecil industri komoditi yang memberikan sumbangan besar terhadap ekonomi negara," kata Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika berucap merasmikan Program Hello Komoditi Pagoh anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, Kerajaan pada masa ini sentiasa memberi keutamaan dan meletakkan kepentingan rakyat dalam setiap keputusan dan dasar pembangu-

nan dirangka.

Kebajikan pekebun dijaga

"Sehubungan itu, bagi industri sawit, Kerajaan menyediakan peruntukan kewangan sebanyak RM434.804 juta kepada pekebun kecil sawit bagi membiayai tiga program bantuan utama iaitu Skim Diskaun Cantas (SKIDIC), Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Bantuan Penyelenggaraan Kebun (BPK).

Katanya lagi, industri getah selaku komoditi tertua di negara ini dan masih berperanan penting sebagai sumber pendapatan ke-

pada masyarakat luar bandar, justeru peruntukan sebanyak RM229.3 juta bagi bantuan dan insentif demi menjaga kebajikan pekebun kecil getah diberikan dalam bentuk geran bertujuan membiayai Program Tanam Baru Getah dan Program Tanam Semula Pokok Getah.

Menurutnya, bantuan lain disediakan ialah sebanyak RM40.7 juta bagi membiayai Program Tanaman Baru Koko dan Program Pemulihan Tanaman Koko berupa bekalan input pertanian seperti baja, racun perosak dan peralatan tanaman serta perkhid-

matan cantuman pokok dewasa.

"Selain itu, sebanyak RM10.2 juta diperuntukkan bagi sektor lada, RM7 juta bagi sektor kenaf dan RM196.5 juta bagi sektor perikanan negara.

"Secara keseluruhannya, Kerajaan melalui MPIC menyediakan pelbagai kemudahan bagi membantu pekebun kecil dan usahawan yang berminat dalam sektor komoditi," katanya.

Pada majlis berkenaan, beliau turut menyampaikan bantuan dan insentif kepada pekebun kecil dan usahawan komoditi setempat.

Kesatuan Eropah adalah destinasi kedua terbesar bagi pengeksporan minyak sawit negara. Eksport ke Kesatuan Eropah meningkat dari 2.01 juta tan pada tahun 2011 kepada 2.22 juta tan pada tahun 2012. Nilai eksport pula meningkat dari RM6.27 bilion kepada RM6.55 bilion. Bagaimanapun, buat masa ini pengeksporan minyak sawit ke Kesatuan Eropah terutama Perancis terancam berikutan isu tuduhan minyak sawit mengandungi asid lemak tepu yang tinggi lalu meningkatkan kandungan kolesterol dalam darah.

Perancis melancarkan pelabelan "Tanpa Minyak Sawit" bagi produk makanan dan yang paling menghampakan ia mendapat reaksi positif di kalangan pengguna di sana. Tidak cukup dengan itu, perang ke atas minyak sawit diteruskan lagi dengan cadangan cukai yang digelar "Nutella Tax" yang muncul pada penghujung tahun lalu. Jawatankuasa Senat Perancis Mengenai Keselamatan Sosial mencadangkan tambahan cukai sebanyak Euro 300 bagi setiap tan minyak sawit. Sungguhpun cadangan ini tidak diterima, kemungkinan isu ini dibangkitkan semula tidak boleh diabaikan.

Bagi menangani kempen negatif ke atas minyak sawit di Perancis, satu mesyuarat dua hala dengan Kementerian Pertanian, Makanan Asas Tani dan Perhutanan Perancis diadakan pada 21 Mac 2013, diketuai Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim. Ini susulan daripada pertemuan di antara Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok dengan rakan sejawatnya, Menteri Pertanian Makanan Asas Tani dan Perhutanan Perancis, Stephan Lefoll, tahun lalu.

Sewaktu mesyuarat berkenaan, MPOB membentangkan hasil kajian saintifik dan penyelidikan yang membuktikan minyak sawit adalah minyak berkhasiat. Sungguhpun minyak sawit mengandungi asid lemak tepu dan tidak tepu yang hampir sama, minyak sawit menunjukkan ciri-ciri asid lemak tidak tepu dan tidak memberi impak negatif terhadap kandungan kolesterol. Satu kajian manusia dijalankan di University of Sydney untuk mengkaji kesan terhadap kesihatan bagi minyak sawit olein berbanding minyak zaitun di mana kedua-dua minyak ini mengandungi asid oleik yang tinggi. Hasil kajian menunjukkan bahawa minyak sawit olein dan minyak zaitun mendemonstrasikan manfaat yang serupa ke atas kolesterol darah.

Di samping itu, beberapa usaha sama dibentuk di Kesatuan Eropah bagi mencapai kata sepakat bahawa minyak sawit adalah bahan mentah yang boleh diterima dari sudut pemakanan dan proses pengeluarannya adalah mesra alam. MPOB turut menjalankan penyelidikan bersama mengenai pemakanan minyak sawit dengan institusi penyelidikan terkenal di Perancis. Hasil penemuan saintifik ini akan diguna untuk menyangkal segala dakwaan dan tohmahan yang memburukkan minyak sawit.

Minyak sawit penting sebagai sumber makanan dan memberikan tenaga untuk penduduk dunia. Ia boleh digunakan dalam industri makanan untuk pelbagai aplikasi tanpa asid lemak trans. Kandungan asid lemak minyak sawit yang unik menjadikan minyak sawit berkhasiat dan pelbagai fungsi dalam aplikasi makanan. Minyak sawit dengan kandungan mono tak tepu tinggi pada kedudukan sn-2 menunjukkan ciri-ciri minyak mono tak tepu seperti minyak zaitun, minyak canola dan minyak kacang tanah. Hasil kajian menunjukkan minyak sawit mengurangkan risiko terhadap penyakit kardiovaskular.

Bagi sektor bukan makanan, industri sawit juga menghadapi cabaran di Kesatuan Eropah terutama bagi biodiesel yang dihasilkan daripada minyak sawit. Perundangan Renewable Energy Directive (RED) yang dilaksanakan sejak 2010 menggariskan kriteria kemampunan termasuk pengurangan pelepasan gas rumah hijau (green house gas - GHG), impak penggunaan biodiesel terhadap perubahan penggunaan tanah secara tidak langsung (indirect land use change) (ILUC) dan sistem pensijilan biobahan api. Setiap biobahan api termasuk biodiesel sawit perlu memenuhi kriteria pengurangan pelepasan GHG melebihi 35 peratus berbanding diesel petroleum untuk diambil kira dalam pengiraan sasaran pengurangan GHG di negara Eropah.

Suruhanjaya Eropah (EC) baru-baru ini menerbitkan cadangan terbaru mengenai peningkatan tahap pengurangan GHG serta pengiraan pelepasan GHG dalam penentuan impak ILUC. Dalam cadangan itu, tahap minimum pengurangan GHG ditingkatkan dari 35 peratus ke 50 peratus mulai 1 Julai 2014 bagi loji baru dan 1 Januari 2018 bagi yang lain. Mujur kilang sawit yang memerangkap biogas boleh memenuhi kriteria 50 peratus ini. Bagaimanapun, keputusan untuk mengambil kira ILUC akan dikaji semula pada tahun 2017 untuk kemungkinan pelaksanaan pada 1 Januari 2021 atau lebih awal. Sekiranya ini berlaku, biodiesel daripada semua minyak sayuran akan terjejas.

MPOB akan meneruskan usaha memastikan pasaran eksport biodiesel sawit tidak terjejas. Ini termasuk menjalankan penyelidikan bagi mencabar data digunakan dalam pengiraan pengurangan pelepasan GHG dan impak biodiesel terhadap faktor ILUC. Usaha bagi meningkatkan produktiviti industri sawit dan amalan mampan industri sawit termasuk pengurangan pelepasan GHG dari industri sawit negara akan diteruskan. Di samping itu, MPOB akan meneruskan hubungan erat dengan pihak EC dan Joint Research Centre untuk mengemukakan data saintifik terkini supaya industri sawit negara, termasuk industri biodiesel sawit, terus berdaya saing dan berdaya maju. Pasaran EU adalah amat penting bagi industri sawit dan akan terus diberi perhatian sewajarnya.



MINDA
Datuk Dr Choo
Yuen May

Ketua Pengarah
MPOB



Tan Sri Bernard Dompok bergambar bersama **pemenang Anugerah Wartawan Terbaik bagi sektor komoditi** yang disampaikan sempena Majlis Malam Media anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC). Turut sama ialah Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim.

Industri sawit eksport terbesar komoditi negara

» *RM73.3 bilion diraih daripada keseluruhan pendapatan RM127.5 bilion*

Oleh **Noor Asmawati Abdul Samad**
watie@mpob.gov.my

► Kota Kinabalu

Sektor sawit masih merupakan penyumbang eksport terbesar industri komoditi iaitu sebanyak RM73.3 bilion atau 57.5 peratus daripada keseluruhan pendapatan eksport komoditi yang berjumlah RM127.5 bilion pada tahun 2012.

Komoditi lain yang turut menyumbang kepada pendapatan eksport komoditi ialah getah sebanyak RM28.8 bilion atau 22.6 peratus; sektor perikanan sebanyak RM19.9 bilion (15.6 peratus); sektor koko RM3.7 bilion (2.9 peratus); sektor tembakau RM1.6 bilion (1.2 peratus) dan sektor lada RM244.9 juta (0.2 peratus).

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok berkata, pada tahun 2012, pendapatan eksport negara dari sumber komoditi dan produk berasaskan komoditi ialah sebanyak RM127.5 bilion, berbanding RM141.2 bilion pada 2011.

Beliau berkata demikian pada Majlis Malam Media Komoditi anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) di sini, baru-baru ini.

"Prestasi eksport tahun 2012 adalah dipengaruhi oleh antara lain, pengurangan permintaan dan pertumbuhan ekonomi yang lembap di negara pengimport utama.

"Sektor sawit masih merupakan penyumbang eksport terbesar berbanding komoditi lain," katanya.

Menurutnya, walaupun pendapatan eksport komoditi dan produk komoditi yang direkodkan berkurangan berbanding tahun 2011, jumlah berkenaan adalah ketiga terbesar atau 18.2 peratus dari keseluruhan pendapatan eksport negara, selepas industri elektrik dan elektronik serta gas dan petroleum.

Katanya lagi, sektor komoditi dijangka terus menjadi penyumbang utama kepada pendapatan eksport negara.

"Jangkaan ini mengambil kira pertumbuhan ekonomi penduduk dunia dan keperluan bahan makanan yang sentiasa meningkat.

"Di samping itu, ekonomi negara pengimport utama di Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat dijangka pulih pada tahun 2013.

"Keadaan ini dijangka meningkatkan lagi peluang pasaran untuk produk komoditi Malaysia di pasaran dunia," katanya.

Menurutnya, walaupun begitu, sektor komoditi sentiasa berhadapan persaingan dan isu baru di pasaran.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan penghargaan kepada pihak media yang sentiasa memberi kerjasama dan sokongan penuh dalam memberi liputan meluas terhadap program anjuran MPIC dan agensi di bawahnya.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua media dan berharap sokongan berterusan akan diberi kepada sektor perladangan dan komoditi.

"Kita sangat bertuah kerana liputan, tulisan dan laporan pihak media, berita, dasar dan program mengenai sektor perladangan dan komoditi dapat disampaikan dengan cepat dan tepat kepada orang ramai," katanya.

Pada majlis berkenaan, beliau turut menyampaikan enam anugerah khas iaitu Anugerah Wartawan Terbaik bagi sektor sawit, getah, perikanan, kenaf, koko dan lada kepada pengamal media yang telah memberikan liputan berterusan mengenai MPIC dan agensi-agensinya di bawahnya.

Majlis turut dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim serta Pengerusi, Ketua Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Agensi dan Majlis di bawah MPIC.

Kerajaan sedia pelbagai insentif

» Bantuan tingkat taraf hidup pekebun industri komoditi

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

► Tambunan

Kerajaan menyediakan pelbagai insentif dan bantuan kepada usahawan dan pekebun kecil industri komoditi untuk bersama-sama meningkatkan taraf hidup dan pada masa sama melonjakkan pengeluaran hasil komoditi negara.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata demikian ketika menutup Program Hello Komoditi anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dengan kerjasama agensi di bawahnya di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, Kerajaan sentiasa meletakkan kepentingan rakyat dalam setiap keputusan dan dasar pembangunan yang dirangka.

Pengiktirafan Kerajaan

"Justeru insentif dan bantuan yang diberi adalah pengiktirafan Kerajaan terhadap usahawan dan pekebun kecil industri komoditi yang memberikan sumbangan

besar terhadap ekonomi negara.

"Secara keseluruhan terdapat 22 program bantuan dan insentif termasuk pinjaman mudah bagi komoditi sawit, getah, kayu-kayan, kenaf, koko dan lada yang disediakan Kerajaan melalui MPIC bagi membantu pekebun kecil dan usahawan komoditi," katanya.

Ekonomi lembap

Menurutnya, pada masa ini terdapat lebih 800 pekebun kecil sawit, getah dan lada hitam dengan keluasan tanaman mencecah 1,200 hektar di kawasan Tambunan.

Sementara itu, beliau berkata, industri komoditi adalah antara industri utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, sejak sekian lama, mereka yang terbabit dalam industri ini khasnya dalam sektor sawit dan getah menikmati hasil pendapatan memberangsangkan.

"Bagaimanapun, pada tahun 2012 harga komoditi sawit dan getah mengalami penurunan dan memberi kesan kepada pendapatan pengusaha tanaman berkenaan terutama pekebun kecil.

"Harga komoditi seperti minyak sawit sebenarnya dipengaruhi beberapa faktor di pasaran antarabangsa termasuk penawaran minyak sayuran lain dan permintaan oleh negara pengimport utama seperti China, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan In-



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan **Kupon Bantuan Tanam Baru Sawit** kepada pekebun kecil sempena program Hello Komoditi di Tambunan, Sabah sambil diperhatikan Timbalan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan (tiga dari kanan).

dia," katanya.

Menurutnya lagi, penurunan dalam pengeluaran domestik di China dan pertumbuhan ekonomi yang lembap di Kesatuan Eropah memberi kesan langsung ke atas pengimportan produk sawit Malaysia.

"Kerajaan berusaha mengambil pelbagai inisiatif untuk mengawal harga komoditi utama negara supaya tidak terus jatuh dan menjejaskan kehidupan mereka

yang terbabit dengan industri ini.

"Antaranya termasuk meluluskan peruntukan sebanyak RM100 juta bagi menebang pokok sawit yang berusia melebihi 25 tahun di bawah Skim Insentif Tanam Semula Sawit (SITS).

"Selain itu, dalam usaha meningkatkan daya saing industri sawit negara, mulai 1 Januari 2013 Kerajaan melaksanakan penstrukturan semula duti eks-

port minyak sawit mentah (MSM) agar pengeksport Malaysia boleh bersaing dengan pengeksport MSM lain. Di samping itu, Skim Eksport MSM Tanpa Duti juga dihapuskan.

Turut hadir di majlis berkeajaan ialah Timbalan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan; Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, M Nagarajan dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

The Palm Oil event of the year is back!

INTERNATIONAL
PIPOC 2013
PALM OIL CONGRESS

The Malaysian Palm Oil Board is organising

PIPOC
2013

19 - 21 November 2013
Kuala Lumpur Convention Centre,
Kuala Lumpur, Malaysia

For more information, please e-mail:
pipoc2013@mpob.gov.my

1,500 kunjungi pameran Hello Komoditi Pagoh

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Pagoh: Lebih 1,500 orang mengunjungi pameran Hello Komoditi anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), di sini, baru-baru ini.

Program Hello Komoditi itu sejajar peranan Kementerian itu yang bertanggungjawab terhadap pembangunan industri komoditi utama negara iaitu minyak sawit, getah, kayu, koko, tembakau, kenaf dan lada hitam.

Program dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Program ini adalah pendekatan Kementerian untuk bertemu masyarakat bagi memaklumkan dan menjelaskan peranan serta kemudahan disediakan MPIC dan agensi di bawahnya", kata Timbalan Menteri MPIC, Datuk Hamzah Zainudin, dalam ucapan aluan pada program itu.

Menurutnya, program berkenaan adalah bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masya-



Datuk Hamzah Zainudin **mendengar penerangan** daripada Datuk Dr Choo Yuen May ketika melawat pameran MPOB sempena Hello Komoditi di Pagoh, Johor.

rakat mengenai kepentingan tanaman komoditi dan produk berasaskan komoditi.

Tarik minat belia

"Penganjuran program ini juga bagi memupuk dan menarik minat golongan belia untuk menceburi bidang pekerjaan di sektor perladangan dan sektor berkaitan agar tidak terlalu bergantung kepada tenaga kerja asing.

"Penyertaan program ini terbuka kepada lapisan masyarakat dengan tumpuan kepada pekebun ke-

cil yang dapat memanfaatkan program ini," katanya.

Katanya, pekebun kecil dijadikan sasaran bagi memberi kesedaran mengenai kewujudan kemudahan, insentif, skim bantuan dan galakan yang disediakan oleh agensi di bawah MPIC bagi membantu mereka.

"Golongan belia, suri rumah dan masyarakat umum yang berminat menceburi bidang keusahawanan dalam sektor komoditi seperti coklat buatan tangan serta produk berasaskan sawit turut dialu-alukan," katanya lagi.

159 peserta terima sijil Kursus Operator Mekanisasi Ladang



Datuk Hamzah Zainudin menyampaikan sijil kepada peserta KOML sambil diperhati Timbalan Menteri Sumber Manusia, Senator Datuk Maznah Mazlan dan ADUN Bukit Ibam, Datuk Mohd Shahfri Ab Aziz. Turut kelihatan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Mohd Sanuri Shahid.

» Kerajaan beri perhatian pembangunan modal insan latih belia terbabit sektor perladangan

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Keratong

Seramai 159 peserta dianugerah sijil Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) untuk sesi September 2012 oleh Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin, di sini, baru-baru ini.

Majlis yang turut meraikan termasuk 200 pelatih baru KOML bagi sesi Mac 2013 turut dihadiri Timbalan Menteri Sumber Manusia, Senator Datuk Maznah Mazlan; Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Ibam, Datuk Mohamad Sahfri Ab Aziz; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Mohd Sanuri Shahid.

Dalam ucapannya, Datuk Hamzah berkata, Kerajaan mem-

beri perhatian penting kepada pembangunan modal insan khususnya usaha melatih golongan belia anak watan untuk terbabit dalam sektor perladangan.

Tenaga kerja mahir

“Kementerian saya menubuhkan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) bagi meningkatkan pembangunan modal insan.

“Ini bagi memenuhi keperluan tenaga kerja terlatih dalam rantaian industri di sektor perlad-

ngan dan komoditi,” katanya.

Menurutnya, tenaga kerja mahir tempatan amat diperlukan bagi kemajuan sektor perladangan komoditi negara dan sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Inisiatif MPOB

Katanya, inisiatif MPOB membuka peluang kepada belia tempatan adalah sejajar hasrat Kerajaan meningkatkan bilangan tenaga kerja tempatan yang kreatif, inovatif dan berkemahiran.

“Peserta berpeluang memanfaatkan ilmu dan kemahiran yang diperolehi bagi menjadi usahawan bidang kejenteraan kerana ia mampu membawa perubahan kepada industri sawit.

Beliau menambah, syarikat perladangan sawit perlu memanfaatkan tenaga kerja yang dilahirkan MPOB dengan menyediakan peluang pekerjaan.

“Pekerja terlatih dalam bidang mekanisasi mampu memberi nilai tambah kepada syarikat”, katanya.

Sementara itu, Datuk Dr Choo dalam ucapannya berkata, KOML menawarkan dua program latihan iaitu jangka pendek dan jangka panjang.

Menurutnya, program jangka pendek ditawarkan kepada individu yang sedang bekerja di sektor perladangan bagi menyertai kursus yang bersesuaian dengan bidang masing-masing.

“Program jangka panjang pula terbahagi kepada tiga tahap iaitu Tahap 1 dan Tahap 2 yang mengambil masa latihan selama 10 bulan manakala Tahap 3 selama 12 bulan termasuk menjalani latihan industri di syarikat perladangan sawit.

Beliau berkata KOML ditubuhkan enam tahun lalu dan sehingga kini sudah melahirkan 847 pelatih yang kebanyakannya berkhidmat di syarikat perladangan dan sebagai usahawan kejenteraan ladang.

KSU tinjau kilang biodiesel Sime Darby

Oleh Nursyairah Jalil
nursyairah@mpob.gov.my

Klang: Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim, mengadakan lawatan ke Sime Darby Biodiesel Sdn Bhd di Pulau Carey, di sini, baru-baru ini.

Turut serta dalam lawatan itu ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Mohd Sanuri Shahid, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May serta pegawai MPIC dan MPOB.

Program dimulakan dengan sesi taklimat di East Estate Sime Darby yang bertujuan memberi pendedahan dan pemahaman

mengenai cara penanaman sawit dan pendebungaan dijalankan, cara menentukan buah sawit matang, demonstrasi cara penuaian dan pengumpulan tandan buah sawit di ladang dengan menggunakan jentera.

Delegasi turut didedahkan sistem kawalan biologi terhadap serangan perosak dan kulat, penggunaan burung hantu untuk mengawal tikus dan ular di ladang.

Gambaran lebih jelas

Selepas itu mereka dibawa melawat bahagian pengeluaran biodiesel Sime Darby Biodiesel Sdn Bhd bagi memahami dan mendapat gambaran lebih jelas mengenai proses penghasilan bahan berkenaan.



Datin Paduka Nurmalia mendengar penerangan mengenai kawalan kualiti biodiesel ketika lawatan berlangsung. Turut kelihatan Mohd Sanuri Shahid (kanan) dan Datuk Dr Choo Yuen May.

Syarikat berkenaan menggunakan teknologi pengeluaran biodiesel MPOB untuk menghasilkan bahan itu melalui proses transesterifikasi.

Ia juga terbabit membekalkan

biodiesel sawit kepada syarikat petroleum untuk diadun menjadi B5 (5 peratus biodiesel sawit dengan 95 peratus diesel petroleum). Pasaran eksport biodiesel sawit adalah memberangsangkan.

Selain itu, delegasi turut dibawa melawat makmal kawalan kualiti bagi melihat bagaimana kualiti biodiesel terhasil dikawal dan instrumen yang terbabit dalam analisis.

MPOB anjur Program Santai Sawit

» Sebar maklumat mengenai keistimewaan produk sawit

► Johor Bahru

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengambil inisiatif menganjurkan Program Santai Sawit buat julung kalinya bagi meningkatkan penyebaran maklumat mengenai keistimewaan sawit kepada masyarakat umum di sini, baru-baru ini.

Penerangan dan maklumat tepat mengenai kegunaan dan keistimewaan produk sawit kepada masyarakat umum adalah penting untuk kemajuan dan perkembangan industri sawit negara, kata Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad ketika berucap menutup program berkenaan.

“Ini kerana tanaman sawit adalah komoditi utama negara dan antara penyumbang pendapatan eksport negara.

“Industri sawit juga menyediakan peluang ekonomi dan pekerjaan kepada pekebun kecil dan penduduk luar bandar,” katanya.

Menurutnya, selain produktiviti tinggi dan kos pengeluaran yang rendah, minyak sawit mengandungi nilai khasiat pemakanan yang tinggi berbanding minyak sayuran lain.

Katanya, terdapat 17 jenis minyak sayuran di pasaran dunia

bersaing dengan minyak sawit termasuk minyak kacang soya.

“Dengan keistimewaan minyak sawit yang pelbagai guna, ia menjadi pilihan utama dengan lebih 150 negara mengimport minyak sawit untuk kegunaan dalam bidang makanan dan bukan makanan.

Pihak asing iri hati

“Keistimewaan minyak sawit dari aspek kepelbagaian guna dan nilai pemakanan yang tinggi serta harga yang kompetitif menimbulkan iri hati pihak asing yang melancarkan Kempen Anti Minyak Sawit pada awal tahun 1980-an dengan mengaitkan penggunaan minyak sawit dengan kesihatan manusia.

Menurutnya, hasil penyelidikan MPOB dan kajian pemakanan yang dilakukan pakar pemakanan luar negara membuktikan minyak sawit tidak memudaratkan kesihatan serta berkhasiat.

“Hasil kajian ini berjaya menangkis dakwaan pihak berkepentingan di luar negara.

Menurutnya, cabaran terbaru pula ialah melalui propaganda oleh badan bukan kerajaan di luar negara yang mengaitkan penanaman sawit dengan kemusnahan hutan dan ancaman kepada habitat hidupan liar khususnya orang utan.

Katanya, industri sawit Malaysia adalah sektor yang dikawal selia peraturan yang ketat. Aktiviti kawal selia industri sawit dilaksanakan MPOB dan agensi penguatkuasa yang lain.

“Ini bagi memastikan pemba-



Tan Sri Shahrir Abdul Samad menyampaikan cenderamata produk berasaskan sawit kepada wakil pertubuhan wanita yang turut serta dalam program Santai Sawit. Turut kelihatan, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

ngunan industri sawit secara teratur dan pengeluaran mampan serta penghasilan produk berkualiti tinggi yang selamat untuk pemakanan manusia sejagat”, katanya.

Sementara itu, bagi memriahkan program berkenaan, MPOB mengundang Profesor Dr Nurashah Mohd Taib dari Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) yang menerangkan mengenai keistimewaan minyak sawit dan Vitamin E.

Undang chef

MPOB turut mengundang Chef Adu Amran yang menyediakan masakan menggunakan minyak sawit, santan sawit dan buah serta umbut Bactris, sejenis spesies pokok sawit.

Program yang dihadiri lebih 400 peserta dari pelbagai pertubuhan wanita sekitar negeri Johor turut membuat demonstrasi penggunaan produk kosmetik berasaskan sawit.

Program berkenaan turut dihadiri Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan isteri Pengerusi MPOB, Puan Sri Shahrizan Abdullah.



Chef Adu menyediakan masakan menggunakan produk sawit.



Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim menandatangani buku pelawat semasa lawatan ke Kompleks Pusat Maklumat Sawit MPOB. Bersama beliau ialah Datuk Dr Choo Yuen May.

KSU MPIC lawat MPOB Wilayah Sabah

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Kota Kinabalu: Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim mengadakan lawatan kerja ke Kompleks Pusat Maklumat Sawit di Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP), di sini baru-baru ini. Lawatan berkenaan bertujuan

meninjau kemajuan projek pembangunan Kompleks Pusat Maklumat Sawit yang menempatkan Pejabat MPOB Wilayah Sabah yang baru beroperasi di kawasan berkenaan.

Aktiviti penyelidikan

Kompleks berkenaan turut menempatkan taman sawit serta kemudahan makmal dan loji rintis bagi menjalankan aktiviti penyelidikan dan perkhidmatan kepada pihak industri sawit termasuk

pekebun kecil.

Pembinaan kompleks berkenaan yang berperanan sebagai pusat rujukan maklumat sawit, sejajar dengan perkembangan pesat industri sawit di negeri Sabah.

Rombongan daripada MPIC disambut Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May yang turut memberi taklimat berkaitan pejabat berkenaan.

Lawatan turut disertai Ketua Pengarah dan pegawai kanan agensi di bawah MPIC.



PLASMA peneraju belia berkemahiran dalam industri sawit

Oleh Mohd Solah Deraman
solah@mpob.gov.my

Secara umum sektor perusahaan perladangan dan komoditi di Malaysia sehingga kini masih lagi berintensifkan buruh terutama kepada tenaga buruh asing.

Ini berdasarkan statistik pada tahun 2013 yang mana ada lebih 500,000 guna tenaga di sektor perladangan sawit dan daripada jumlah keseluruhan itu, lebih dua pertiga daripadanya adalah tenaga kerja asing.

Ini menunjukkan di negara kita, jika tiada tenaga kerja asing, kemungkinan industri perladangan sawit negara mungkin lumpuh.

Bagi mengelakkan perkara berkenaan daripada berlaku, penyelesaian jangka panjang perlu dicari. Satu-satunya kaedah adalah dengan penggunaan mekanisasi atau penggunaan jentera secara menyeluruh.

Ia juga selaras keperluan meningkatkan hasil pengeluaran komoditi dan hasrat menjadikan Malaysia sebagai pengeluar utama komoditi, proses meningkatkan tahap mekanisasi dan automasi ladang perlu diutamakan.

Mekanisasi di setiap aktiviti pengeluaran dari peringkat penyediaan tapak atau tanah hinggalah kepada pemasaran hasil komoditi akan membantu meningkatkan produktiviti dan mengurangkan penggunaan buruh, termasuk pekerja asing.

Bagi mencapai sasaran berkenaan, Kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) menggubal Dasar Komoditi Negara yang merupakan iltizam Kerajaan dalam memajukan industri komoditi ke tahap lebih berdaya saing, mampan dan seimbang.

Dalam dasar ini, ia dibahagikan kepada tujuh teras dan teras ketujuh adalah membangun dan memperkasa modal insan yang memfokuskan peningkatan bilangan tenaga kerja mahir dan separa mahir dalam memacu permodenan dan meningkatkan daya saing industri komoditi negara.

Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML)

Sehubungan itu, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengambil inisiatif menubuhkan pusat latihan dikenali Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) yang terletak di Kompleks MPOB Keratong. PLASMA MPOB Keratong menawarkan kursus kemahiran kepada warga belia tempatan dalam pengendalian peralatan mekanisasi di samping tugas utamanya sebagai agensi penyelidik sawit negara.

Sehingga kini, PLASMA MPOB Keratong adalah satu-satunya institusi yang menawarkan kursus dalam pengkhususan mekanisasi ladang di sektor perladangan sawit. Penganju-

ran Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) membabitkan kos yang tinggi dengan memberi bantuan pengajian dan penyediaan peralatan pengajaran serta pembelajaran.

Dengan pekerja yang berkemahiran dalam bidang mekanisasi ladang, ia dapat menambah hasil pengeluaran komoditi, membantu meningkatkan produktiviti serta mengurangkan pergantungan kepada tenaga buruh terutama tenaga asing di samping mendedahkan pelatih menjadi seorang usahawan kecil dan sederhana (SME) dalam bidang penjenteraan ladang.

KOML membuat pengambilan pertama pada Julai 2006 dengan pelatih seramai lapan orang dan kini membuat pengambilan kali ke-14 seramai 200 orang bagi setiap sesi kelas. Penerimaan belia untuk melanjutkan pembelajaran di PLASMA sangat baik dengan purata 500 permohonan diterima pada setiap sesi.

Tapisan dan saringan terpaksa dilakukan bagi mendapatkan pelajar yang betul-betul berminat dengan program dijalankan. Kini PLASMA adalah salah satu kampus Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) di bawah MPIC.

Pusat Bertauliah Lima Bintang

PLASMA diiktiraf sebagai Pusat Bertauliah Lima Bintang oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dalam memberi latihan kursus kemahiran bagi melayakkan pelatih mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di samping sijil dikeluarkan oleh MPOB.

Kursus ditawarkan ini adalah mengikut NOSS (National Occupational Skill Standard) yang mana silibusnya disediakan oleh mereka yang berkemahiran dalam industri sawit seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Pem-



Peserta yang mengikuti KOML di Kompleks MPOB Keratong.

bangunan Kemahiran (JPK) Malaysia. PLASMA bekerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam memberi latihan pemanduan jentera yang digunakan dalam industri sawit seperti traktor dan jengkaut yang mana pelatih yang berkelayakan akan memperoleh lesen pemanduan yang dikeluarkan oleh JPJ.

Di samping itu kerjasama juga dilakukan dengan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) supaya pelatih PLASMA berdisiplin dan bebas daripada perkara negatif.

Sistem pembelajaran berorientasikan kemahiran yang memfokuskan 'hands-on' dengan nisbah masa yang diperuntukkan untuk masa pembelajaran teori kepada amali adalah 30:70. Pembelajaran amali adalah sangat penting kerana kursus dijalankan adalah kemahiran dengan setiap pelatih perlu kompetan dalam topik amali diajar.

KOML menawarkan kursus jangka pendek dan jangka panjang. Kursus jangka panjang ditumpukan kepada golongan belia tempatan yang ingin membabitkan diri dalam industri sawit.

Kursus jangka pendek pula lebih bermanfaat kepada individu yang berkecimpung dalam bidang sawit tetapi berminat untuk menambah pengetahuan dalam topik-topik yang ditawarkan oleh program ini. Kursus jangka panjang dan pendek ini ditawarkan dalam semua tahap iaitu Tahap 1, 2 dan 3.

KOML Tahap 1 menawarkan lima topik utama berkenaan mekanisasi perladangan sawit secara menyeluruh iaitu penyediaan tanah, teknologi penanaman sawit, kawalan rumput, penyakit dan perosak sawit dan teknologi penuaian sawit.

KOML Tahap 2 pula adalah kesinambungan kepada Tahap 1 dan menawarkan sembilan topik teras antaranya sistem pengairan, penyelenggaraan jalan dan parit, kawalan perosak mamalia, pembajaan, pengangkutan dan penyelenggaraan.

Peserta yang ingin mengikuti KOML Tahap 1 terlebih dulu bagi melayakkan diri menyertai kursus ini. KOML Tahap 3 memfokuskan kepada penyediaan ladang terutamanya membabitkan mekanisasi.

Kelebihan pembelajaran di PLASMA adalah pelatih juga diajar berkaitan menggerak buah sawit dan kaedah kawalan tapak semaian yang mana sijil yang dikeluarkan sangat diperlukan pihak industri. Ia membolehkan lepasan pelatih KOML menjadi usahawan sebagai peraih buah sawit dan membuka nurseri. Ia tidak terdapat di pusat latihan lain yang memberi kelebihan pelatih yang mengikuti program di PLASMA.

Naik taraf latihan

PLASMA akan meningkatkan taraf latihan ke peringkat lebih tinggi dan dijangka tahap 4 dan 5 iaitu diploma dan diploma lanjutan akan dimulakan selewat-lewatnya pada tahun

2015. Pelatih diwajibkan mengikuti program latihan diatur terutama membabitkan aktiviti latihan yang dijalankan di ladang MPOB yang keluasan 600 hektar dengan mengikuti Standard Operating Procedure (SOP) ladang ditetapkan. Dengan itu pelatih yang mengikuti program latihan di PLASMA adalah kompetan dengan aktiviti mekanisasi yang dijalankan.

Di samping pembelajaran di PLASMA, pelatih KOML didedahkan dengan aktiviti luar seperti menjadi sukarelawan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM). Di samping itu, pelatih diberi pendedahan dengan program dijalankan di peringkat kementerian seperti menyertai program Hello Komoditi dan sebagainya.

Latihan yang berjaya menamatkan KOML berpeluang membina kerjaya cerah dalam bidang mekanisasi perladangan serta menceburi bidang usahawan seperti menjadi peraih buah sawit, membuka tapak semaian, pengendalian bengkel, kontraktor ladang dan sebagainya.

Daripada semakan dijalankan, lebih 80 peratus lepasan KOML mendapat pekerjaan dengan 20 peratus lagi menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Bagi belia berminat mengikuti kursus ini, permohonan boleh dibuat dengan memuat turun borang permohonan di www.mpob.gov.my atau sertai komuniti KOML di laman facebook.com (carian: KOML).

2015.

2015.

2015.

2015.

2015.

2015.

2015.

2015.

2015.

2015.

2015.

Penjenamaan minyak sawit mampan Malaysia

» MPOB bangukan Standard Malaysia bezakan dengan pengeluar negara lain

Oleh Dr Ainie Kuntom
ainie@mpob.gov.my

Putrajaya

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) mengadakan bengkel Penjenamaan Minyak Sawit Mampan Malaysia pada Januari lalu, di sini.

Bengkel yang berlangsung selama satu hari setengah itu adalah untuk

menjenamakan minyak sawit Malaysia supaya ia dapat dibezakan daripada minyak sawit keluaran negara lain.

Bengkel dirasmikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok.

Pada bengkel berkenaan beberapa kertas kerja dibentangkan. Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Choo Yuen May membentangkan kertas kerja bertajuk "Development and Update on MSPO".

Menurutnya, dalam bidang pertanian, pokok sawit mendahului aktiviti penanaman di Malaysia dan hasilnya dipasarkan ke seluruh dunia.

"Pasaran dunia kini memerlukan minyak sawit Malaysia yang mampan serta selamat dimakan dan bermutu tinggi.

"Malaysia mempunyai beberapa polisi untuk memastikan sumber alam negara terus mampan kerana kita berazam untuk mendapat pasaran bagi produk sawit," katanya.

Katanya, keutamaan bagi menambah baik sistem operasi penanaman sawit dan penghasilan produk perlu diberi perhatian.

"Kita harus melakukan semua aktiviti ini untuk memuaskan kehendak pihak berkepentingan (stakeholder) luaran seperti Badan Bukan Kerajaan (NGO), pembeli dan pengguna yang mempunyai minat terhadap kelestarian alam sekitar," katanya.

Standard kemampanan

Menurutnya, cabaran industri sawit Malaysia adalah untuk mengadakan satu standard kemampanan.

"Justeru, bagi memenuhi keperluan ini, MPOB mengetuai industri sawit untuk membangun suatu standard mampan kerana standard mampan sedia ada iaitu Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) adalah standard sesama peniaga antarabangsa dan bukan standard Kerajaan," katanya.

Katanya, standard mampan yang dibangunkan MPOB berdasarkan interpretasi nasional RSPO dan buku manual *Malaysian Palm Oil Sustainability*. "Pembangunan standard ini adalah kerjasama antara MPOB, pihak yang terbabit dalam industri sawit, agensi kerajaan dan agensi lain.

"Deraf MSPO siap disediakan dan dihantar pada SIRIM untuk diproses sebagai Standard Malaysia (MS)," kata Choo.

Menurutnya, deraf MSPO terdiri daripada empat bahagian yang mengandungi tujuh prinsip dan beberapa kriteria serta indikator.

Tujuh prinsip MSPO adalah:

- Komitmen dan tanggungjawab pengurusan
- Ketelusan
- Pematuhan terhadap keperluan undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan,

keselamatan dan persekitaran pekerjaan.

- Alam sekitar, sumber asli, biodiversiti dan ekosistem
- Amalan baik
- Pembangunan aktiviti penanaman baru

Empat bahagian MSPO pula terdiri daripada:

- garis panduan
- pekebun kecil bebas
- estet dan pekebun kecil tersusun
- kilang.

Semua deraf MSPO ini disenaraikan di laman sesawang SIRIM untuk Komen Awam (Public Comment).

Apabila melepasi tahap Komen Awam, Standard MSPO akan menjadi MS. Sebagai MS dikeluarkan Kerajaan Malaysia, ia akan diiktiraf pengguna dan pembeli.

MSPO telah diuji kaji

MSPO diuji kaji di tiga kombinasi ladang sawit dan kilang. Hasil uji kaji di lapangan menunjukkan dua kombinasi ladang dan kilang mematuhi hampir semua keperluan MSPO manakala yang ketiga perlu memperbaiki beberapa operasi ladang dan persekitarannya.

Berdasarkan uji kaji itu keperluan prinsip dan kriteria MSPO didapati praktikal, boleh diaudit dan relevan kepada industri sawit Malaysia.

Pelaksanaan MSPO memerlukan komitmen pihak industri sawit. Dengan pelaksanaan MSPO ini, penjenamaan minyak sawit akan tercapai kerana penjenamaan ini berdasarkan skema pensijilan yang boleh diiktiraf secara global.

Kertas kerja lain yang turut dibentangkan sempena bengkel berkenaan adalah "Issues and Challenges for the Malaysian Palm Oil Industry: Suggestions for the Path Forward"; "Malaysian Responsible Palm Oil Scheme (MARESPO)" dan "Branding on Malaysian Palm Oil".

MARESPO adalah skema penjenamaan yang berdasarkan peraturan dan polisi Malaysia sedia ada.

Di akhir bengkel, semua peserta bersejua bahawa Malaysia perlu penjenamaan minyak sawit mampan sebagai strategi membezakan minyak sawit Malaysia dengan minyak sawit keluaran negara lain.



Keutamaan bagi menambah baik sistem operasi penanaman sawit dan penghasilan produk perlu diberi perhatian"

Dr Choo Yuen May,
Ketua Pengarah MPOB



Malaysia, Perancis bincang isu sawit

» **Kementerian syor program kerjasama atasi kempen negatif minyak sawit di Paris**

Oleh **Nik Aznizan Nik Ibrahim**
aznizan@mpob.gov.my

Paris

Produk 'Tanpa Minyak Sawit' dilancarkan dan mendapatkan reaksi positif di kalangan pengguna di Perancis. Tidak cukup dengan itu, perang ke atas minyak sawit diteruskan dengan cadangan cukai yang digelar "Nutella Tax" yang muncul pada penghujung tahun lalu. Sapuan coklat kacang hazel atau lebih dikenali sebagai Nutella keluaran Ferrero yang menggunakan minyak sawit di dalam resipinya menghadapi cabaran

produk sama dilancarkan Kumpulan Casino dengan jenama 'sans huile de palme' (tanpa minyak sawit).

Kumpulan Casino secara agresif menukar produk makanan yang mengandungi minyak sawit di bawah jenamanya kepada minyak sayuran lain. Ia melaporkan pada 2011, jenama Casino mempunyai 312 produk tanpa minyak sawit atau 62 peratus daripada jumlah produk makanan di bawah jenamanya.

Usaha berterusan

Usaha menyingkirkan minyak sawit dalam produk makanan di bawah jenama Casino adalah berterusan dan ia dijangka akan mencapai 72 peratus daripada keseluruhan produknya tanpa minyak sawit menjelang 2012. Casino mendakwa mereka mengawal 50 peratus daripada pasaran makanan di Perancis.

Kempen hijau yang dilancarkan turut memaksa Datuk Bandar Paris mengharamkan penggunaan minyak sawit di sekolah dan dalam kontrak kerajaan. Jika

ini tidak dibendung dengan segera, ia turut akan memaksa pihak lain mengambil langkah sama bagi mengharamkan penggunaan minyak sawit.

Pada perkembangan lain, Jawatankuasa Senat Perancis Mengenai Keselamatan Sosial mencadangkan pindaan cukai sebanyak Euro 300 bagi setiap tan minyak sawit.

Jika cadangan pindaan cukai yang dinamakan Cukai Nutella ini diluluskan, minyak sawit akan dikenakan cukai berjumlah Euro 400 bagi setiap tan. Cukai sedia ada ke atas minyak sawit di Perancis ialah Euro 100 bagi setiap tan.

Mesyuarat dua hala

Pihak yang melancarkan kempen terhadap minyak sawit di Perancis mendakwa minyak sawit tidak baik untuk kesihatan dan ia memusnahkan alam sekitar.

Untuk menangani perkembangan yang amat membimbangkan di Perancis ini, Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi



Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim, bersama Datuk Dr Choo Yuen May, Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Tan Sri Dr Yusof Basiron **mendengar taklimat ketika lawatan ke kilang Ferrero di Rouen.**

(MPIC), Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim mengetuai delegasi ke sini, untuk mengadakan mesyuarat dua hala dengan Kementerian Pertanian, Makanan Asas Tani dan Perhutanan Perancis, baru-baru ini.

Ini adalah mesyuarat pertama selepas pertemuan di antara Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok dengan rakan sejawatnya, Menteri Pertanian Makanan Asas Tani dan Perhutanan Perancis, Stephan Lefoll yang diadakan tahun lalu.

Pada pertemuan itu Malaysia mencadangkan program kerjasama bagi menangani kempen negatif ke

atas minyak sawit di Perancis.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May turut hadir pada mesyuarat berkenaan.

Delegasi Malaysia turut melawat kilang Ferrero di Rouen. Kilang ini mengeluarkan produk sapuan coklat kacang hazel, Nutella dan coklat Kinder Bueno. Kumpulan Ferrero menggunakan 150,000 tan minyak sawit setiap tahun di mana 80 peratus adalah datang dari Malaysia.

MPOB turut menggunakan peluang berkenaan untuk bertemu dengan ahli Persatuan Minyak dan Lemak di Perancis (Federation Nationale des Industries de Corps Gras FNCG).



Datuk Dr Choo Yuen May bergambar bersama delegasi Malaysia yang menghadiri Mesyuarat Codex Lemak dan Minyak Antarabangsa di Langkawi.

Malaysia tuan rumah Mesyuarat Codex Lemak dan Minyak Antarabangsa

Oleh **Nik Aznizan Nik Ibrahim**
aznizan@mpob.gov.my

LANGKAWI: Mesyuarat Sesi Ke-23 Codex Committee on Fats and Oils (CCFO) berlangsung dengan jayanya di sini, baru-baru ini.

Seramai 100 delegasi dari 36 negara ahli dari seluruh dunia serta empat pertubuhan antarabangsa menghadiri mesyuarat kali ini.

Ini adalah kali ketiga Malaysia menjadi tuan rumah mesyuarat CCFO selepas mengambil alih CCFO dari United Kingdom sejak tahun 2009.

CCFO adalah jawatankuasa di bawah Codex Alimentarius Com-

mission, badan gabungan antara Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO) dan World Health Organization (WHO) yang bertanggungjawab menyediakan piawaian, garis panduan dan saranan yang digunakan pakai dan rujukan terutama pihak berkuasa di dalam perdagangan makanan antarabangsa.

Sesi ini dipengerusikan Pengarah Kanan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan, Noraini Datuk Mohd Othman sementara Nor'Aini Sudin sebagai Pengerusi Silihganti.

Delegasi Malaysia diketuai Ketua Pengarah Lembaga Minyak

Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Choo Yuen May dibantu Pengarah Bahagian Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat, Rosidah Radzian bersama 13 pegawai kanan MPOB, Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan, Jabatan Perikanan Malaysia dan Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM) yang membawa mandat memastikan kepentingan negara di dalam industri minyak dan lemak negara terjamin.

Antara isu dibincangkan pada mesyuarat berkenaan ialah semakan bahan disenarai dalam senarai kargo diterima yang terdahulu (List of Acceptable Previous Cargoes) bagi kod amalan penyimpanan dan pengangkutan lemak dan minyak pukal dengan kriteria diterima pakai oleh Codex.

Isu lain yang turut dibincangkan berkaitan piawaian minyak dan lemak dunia, cadangan pindaan ke atas piawaian minyak zaitun dan minyak pomace zaitun, minyak ikan dan pindaan parameter minyak sekam beras (rice bran oil).

Di samping itu, perbincangan mengenai pindaan minyak bunga matahari, minyak kacang soya, minyak sawit (OxG) dengan kandungan asid oleik tinggi dan minyak ditekan sejuk (cold pressed oils).

Bagi delegasi Malaysia, sesi ini dianggap berjaya kerana kebanyakan isu berkepentingan negara diketengahkan dan dipersejuti jawatankuasa.

KURSUS PENGENALAN OLEOKIMIA (ICOC) 2013 TEKNOLOGI PEMBUATAN SABUN

6-7 Mei 2013

Ibu Pejabat MPOB, Bangi, Selangor.

SIAPA YANG PERLU HADIR

KURSUS INI DICADANGKAN UNTUK:

- Individu yang ingin berusaha untuk memperluaskan pengetahuan mereka dalam bidang teknologi pembuatan sabun
- Usahawan yang ingin mencari atau menambah pengetahuan dan peluang perniagaan dalam pembuatan sabun

OBJEKTIF

- Untuk memberikan pengetahuan mengenai teknologi pembuatan sabun kepada peserta.
- Untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya kualiti bahan asas sabun
- Untuk mewujudkan peluang perniagaan produk sabun di kalangan PKS
- Untuk berkongsi penemuan dari penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan di MPOB dalam kegunaan minyak sawit dalam sektor bukan makanan.

Kandungan Kursus

1. Kandungan dan Spesifikasi Sabun
2. Analisis Sabun
3. Pewangi untuk Sabun
4. Jenis sabun: Sabun buku/legap, lutsinar dan detergen
5. Teknologi dan Pembuatan Sabun
6. Strategi pasaran dan hala tuju sabun
7. Lawatan ke makmal dan loji rintis sabun
8. Demonstrasi pembuatan sabun buku/legap dan sabun lutsinar

METODOLOGI

1. Ceramah
2. Perbincangan
3. Lawatan AOTD/demonstrasi

BORANG PENDAFTARAN

Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan yang boleh didapati di laman web MPOB www.mpob.gov.my.

Yuran Pendaftaran

RM 600.00

PERTANYAAN

Untuk keterangan lanjut sila lawati laman web kami di <http://www.mpob.gov.my>, atau hubungi Pn Solehah Bt Abdul Bab 03-87694867 / faks: 03-89257549 / email: solehah@mpob.gov.my



Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
Ministry of Plantation Industries and Commodities
www.mpob.gov.my



Datuk Hamzah Zainudin menjamah masakan peserta pertandingan memasak yang diadakan sempena program Hari Terbuka MPOB Keratong, Pahang. Turut kelihatan Timbalan Menteri Sumber Manusia, Senator Datuk Maznah Mazlan.



Tan Sri Shahrir Samad mengisi B10 ke dalam kenderaan Stesen Penyelidikan MPOB Kluang sempena pelancaran B10 pada Hari Terbuka stesen berkenaan.

Hari Terbuka MPOB Keratong, Kluang dapat sambutan

» Program dedah masyarakat mengenai kemajuan industri sawit negara

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengambil inisiatif menganjurkan Hari Terbuka di dua lokasi bagi menyediakan ruang interaksi kepada semua pihak yang terbabit dalam industri sawit dan masyarakat umum serta bagi menyebarkan maklumat mengenai kemajuan industri sawit negara.

Penganjuran Hari Terbuka berkenaan juga bagi mendedahkan mengenai kemajuan aktiviti penyelidikan dan perkhidmatan yang dilaksanakan MPOB.

Hari Terbuka anjuran MPOB diadakan di Kompleks MPOB Keratong, Pahang dan Stesen Penyelidikan MPOB Kluang, Johor.

Di Keratong, perasmian program disempurnakan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin.

Dalam ucapannya, beliau berkata, penganjuran hari terbuka memberi peluang kepada pe-

ngunjung melihat dengan lebih dekat kemajuan penyelidikan dalam industri sawit.

"Selain itu, program seumpama ini akan dapat mendekatkan masyarakat setempat dengan MPOB Keratong yang menawarkan latihan dalam bidang kejenteraan ladang dan penyelidikan industri sawit.

"Pengunjung berpeluang memperoleh maklumat mengenai penyelidikan dalam bidang agronomi, tanaman sawit, integrasi tanaman dan ternakan, mekanisasi serta Pusat Tenaga dan Protein yang menghasilkan makanan haiwan berasaskan sawit serta pameran teknologi dan pameran oleh pelbagai agensi jempunan," katanya.

Penyelidikan dalam industri sawit

Beliau berharap, lawatan ke program berkenaan akan memberi pendedahan terhadap kemajuan industri sawit negara dan perkembangan bidang penyelidikan dalam industri sawit yang diterajui MPOB.

Pada program berkenaan, beliau turut menyampaikan sijil Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) serta bantuan Kerajaan kepada pekebun kecil sawit di kawasan berdekatan.

Program Hari Terbuka di Keratong yang menarik lebih 4,000 pengunjung turut dihadiri Timbalan Menteri Sumber Manusia, Senator Datuk Maznah Mazlan; Ahli Dewan Undangan Negeri Bu-

kit Ibam, Datuk Mohamad Sahfri Ab Aziz; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Mohd Sanuri Shahid.

Di Kluang pula, Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad menyempurnakan perasmian Hari Terbuka Stesen Penyelidikan Kluang, Johor yang dihadiri lebih 3,000 pengunjung.

Ketika berucap merasmikan program berkenaan, beliau berkata, penganjuran Hari Terbuka MPOB di peringkat stesen penyelidikan akan dapat mendekatkan MPOB dengan komuniti setempat. "Di samping itu, ia juga memberi pendedahan mengenai kepentingan tanaman emas negara serta kegunaan produk sawit.

"Pokok sawit banyak ditanam di negara kita, namun masih terdapat salah tanggapan terhadap minyak sawit khususnya dari segi khasiat pemakanan dan kesihatan," katanya.

Menurutnya, program seumpama ini akan dapat menghebahkan maklumat penting mengenai minyak sawit, kegunaan dan khasiat pemakanan.

Pendedahan berguna

"Saya percaya penganjuran aktiviti seperti pameran teknologi, penerangan dan demonstrasi penggunaan produk sawit akan memberi pendedahan berguna kepada masyarakat umum.

Beliau berharap, program pe-



Tan Sri Shahrir Abdul Samad (dua dari kiri), Liang Teck Meng (kiri) dan Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kanan) melawat pameran sempena Hari Terbuka MPOB Kluang.

nerangan dan interaksi dengan masyarakat umum dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran semua pihak mengenai kebaikan dan keistimewaan minyak sawit.

Sempena program hari terbuka berkenaan, beliau turut menyampaikan bantuan kerajaan di bawah NKEA kepada pekebun kecil sekitar negeri Johor.

Selain itu, beliau turut melancarkan penggunaan biodiesel B10 (adunan 10 peratus biodiesel sawit dengan 90 peratus diesel petroleum) bagi kenderaan Stesen Penyelidikan MPOB Kluang. Sebagai permulaan, sebanyak 10 kenderaan MPOB di stesen berkenaan akan menggunakan B10.

Pada majlis itu beliau turut melancarkan kutipan sumbangan Tabung Wira Negara Lahad Datu bagi peringkat MPOB.

Majlis perasmian Hari Terbuka

Stesen Penyelidikan MPOB Kluang turut dihadiri Ahli Parlimen Simpang Renggam, Liang Teck Meng dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Program Hari Terbuka dianjurkan MPOB dari semasa ke semasa bagi memberi peluang kepada pihak industri dan masyarakat umum melawat MPOB yang menempatkan pelbagai kemudahan penyelidikan.

Selain melawat MPOB, pengunjung diberi peluang menyertai pertandingan memasak dan pertandingan gubahan sawit, pertandingan mewarna dan melukis untuk kanak-kanak serta melihat demonstrasi memasak serta merias menggunakan produk kosmetik berasaskan sawit. Pengunjung juga diberi peluang menyertai acara lain bagi menguji kepintaran dan pengetahuan industri sawit negara.

Kerjasama Malaysia, AS tingkat taraf hidup rakyat

» *Biobahan api berasas sawit mampu tangani perubahan iklim dunia*

Kedua-dua negara Amerika Syarikat (AS) dan Malaysia kini berpeluang bekerjasama untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan memelihara alam sekitar.

Ini berikutan saranan Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama, untuk mendapatkan biobahan api yang bersih sebagai satu cara untuk menangani perubahan iklim global. Beliau mencadangkan penggunaan bioba-



han api diperluaskan melalui kepelbagaian campuran bahan api dan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

AS dan negara maju yang merupakan pengguna besar tenaga perlu memenuhi permintaan untuk bahan api yang semakin meningkat dengan mendapatkan-

nya dari seluruh dunia.

Malaysia adalah antara pengeluar terkemuka dunia bagi biobahan api mesra alam yang berasaskan sawit - untuk kedua-dua biodiesel konvensional dan biomas bahan api generasi baru.

Pada tahun lalu, Malaysia telah menghasilkan lebih daripada 80 juta tan biomas sawit. Bekalan ini semakin meningkat pada kadar yang sihat.

Industri sawit menjana peningkatan pendapatan dan mewujudkan ribuan peluang pekerjaan baru di seluruh rantau ini. Industri ini dijangka memberi lebih daripada 40,000 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan meraih pendapatan sebanyak RM30 bilion menjelang 2020 melalui penggunaan biomas sawit.

Sejak beberapa tahun lalu, mi-

nyak sawit menerima sambutan baik dalam pasaran AS. Scott Miller dari Center for Strategic and International Studies, sebuah organisasi penyelidikan terkemuka di Amerika Syarikat berkata: "AS mengimport AS\$361 juta (RM1.16 bilion) minyak tropika dari Indonesia pada 2010 (minyak sawit merangkumi hampir keseluruhan jumlah ini) dan US\$ 1.7bilion (RM5.3bilion) minyak sawit dari Malaysia pada 2011."

Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk memainkan peranan penting dalam meningkatkan pengeluaran yang diperlukan untuk memenuhi permintaan dunia dan seterusnya membantu menangani cabaran perubahan iklim dunia.

Halangan

Agensi Perlindungan Alam Sekitar (EPA) AS bagaimanapun memilih untuk menghadkan penggunaan biobahan api Malaysia di pasaran AS, sekali gus menghalang matlamat Obama bagi kepelbagaian tenaga mampan. Melalui program Renewable Fuels Standard, AS dilihat memihak kepada biobahan api dari sumber dalam negara meskipun menghadapi kos tinggi dan mengorbankan keselamatan. Sikap ini akan menyekat perdagangan dan kerjasama di antara kedua-dua buah negara.

Diskriminasi sebenarnya berpunca daripada tekanan berterusan daripada kumpulan alam sekitar seperti WWF dan pengeluar bahan api tempatan, terhadap sektor minyak sawit. Dakwaan salah mereka terhadap minyak sawit ialah pengeluarannya berbahaya untuk persekitaran global, mengganggu habitat hidupan liar dan tidak mampan.

Hasil tinggi

Pokok sawit adalah biobahan api paling cekap dan bertenaga tinggi di pasaran. Ia berupaya menghasilkan lebih banyak minyak menggunakan kurang tanah dan lebih tenaga bagi setiap hektar tanaman berbanding minyak pesaing seperti canola dan biji sawi.

Malaysia adalah pengeluar bertanggungjawab yang mematuhi piawai antarabangsa dalam pengeluaran pertanian, dan undang-undang ketat negara.

Menurut kajian Asia Pacific Economic Conference (Apec), kos segelen biodiesel sawit adalah AS\$2.75 (RM2.27 seliter) berbanding AS\$3.30 (RM2.70 seliter) untuk segelen diesel berasaskan soya Amerika. Menurut Dr Robert Shapiro, penolong setiausaha perdagangan untuk bekas Presiden AS Bill Clinton, biodiesel sawit boleh mengurangkan pe-

“*Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk memainkan peranan penting dalam meningkatkan pengeluaran yang diperlukan untuk memenuhi permintaan dunia dan membantu menangani cabaran perubahan iklim dunia*”

lepasan gas rumah hijau sebanyak 64 peratus, satu perbezaan ketara berbanding penjimatan 51 peratus rumah hijau yang diuar-uarkan pengeluar biofuel soya.

Tangani masalah iklim global

Gina McCarthy, pegawai penting AS yang berjawatan pembantu tadbir di EPA, telah melawat kemudahan biobahan api di Malaysia tahun lalu. Beliau menyaksikan sendiri teknik pengeluaran negara yang bertaraf dunia, termasuk kemudahan menyerap metana, dan menyedari peranan positif minyak sawit dalam menangani masalah iklim global.

Obama dalam ucapannya kepada persidangan perwakilan negeri baru-baru ini, mengulangi sokongannya terhadap Trans-Pacific Partnership (TPP), satu inisiatif global untuk membuka pasaran dan mengurangkan sekat perdagangan. TPP pada dasarnya bertujuan mengadakan satu perdagangan yang saling bermanfaat, menguntungkan dan dalam jangka panjang, baik untuk persekitaran global. Ini terbukti dengan hubungan Asia dan Amerika Utara yang telah menjana perkembangan pesat ekonomi dan pendapatan negara yang diperlukan untuk melindungi alam sekitar mereka.

TPP adalah satu peluang untuk mengeratkan hubungan dua hala. Namun sukar bagi Malaysia untuk menyokongnya jika AS mengamalkan diskriminasi terhadap biobahan api dan industri sawit negara (iaitu 8% daripada KDNK).

Industri minyak sawit Malaysia dan Obama berkongsi harapan dalam mendapatkan tenaga yang lebih bersih dan lebih mampan di masa akan datang bagi kebaikan bumi. Sikap Amerika Syarikat yang selama ini mengangkat perdagangan bebas dan terbuka turut disokong Malaysia. Persefahaman sebegini memungkinkannya satu jalinan yang akan membuahkan hasil akhirnya.

Artikel

ini diterjemah daripada artikel asal yang bertajuk "Push for clean energy". Sila layari <http://www.ceopalmoil.com> untuk mendapatkan salinan asal artikel ini.

KEISTIMEWAAN SAWIT

Tanaman sawit memberi pelbagai kebaikan yang tidak ternilai. Kepada alam sekitar. Kepada kesihatan. Kepada kehidupan. Kepada ekonomi.

Pokoknya mengeluarkan oksigen untuk hidupan dan membendung pemanasan global. Buahnya memberi vitamin dan tenaga. Industri sawit Malaysia turut menyumbang kepada kehidupan jutaan penduduk di seluruh dunia, di samping menjana ekonomi negara dan juga dunia.

Ia adalah lebih dari sekadar minyak sayuran. Ianya merupakan anugerah alam semulajadi untuk kehidupan.

Minyak Sawit Malaysia.
Khasiat sejati. Anugerah alam semulajadi.

MPOB
www.mpo.org.my

Minyak sawit sesuai jadi bahan api mesra alam

Dasawarsa ini, sering meniti dari bibir ke bibir manusia di segenap empat penjuru dunia tentang kebimbangan manusia terhadap pemanasan global dan perubahan iklim dunia. Kebimbangan ini tercetus dek kesannya amat nyata dengan peningkatan mendadak paras air laut dan glasier yang cepat mencair di kutub utara. Bagi meminimumkan kesan ini, langkah drastik dan proaktif perlu diambil kerajaan pada peringkat nasional amnya untuk mencari langkah alternatif dengan memperkenalkan minyak sawit sebagai bahan api mesra alam.

Keupayaan minyak sawit terbukti boleh dijadikan bahan api mesra alam yang mampu menyumbang kepada pembentukan persekitaran yang lebih bersih. Tambahan lagi, bahan alternatif ini setelah diuji mampu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) sebanyak 50 peratus ke udara berbanding bahan api diesel petroleum. Perkara ini ditegaskan Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Choo Yuen May, yang dipetik berkata, dengan pengurangan pelepasan GHG ini ke udara, maka pada masa sama mengurangkan impak terhadap persekitaran dan menjadikannya lebih bersih.

Berdaya maju

Penggunaan minyak sawit sebagai

bahan bakar alternatif ini bertepatan dengan visi Dasar Bio Bahan Api Negara dalam menggalakkan penggunaan sumber tenaga alternatif lebih mesra alam dan berdaya maju bagi mengurangkan pergantungan kepada bahan fosil yang kian menyusut. Penggunaan minyak sawit mampu melonjakkan gandingan produk mesra alam di mata dunia. Menurut fakta, hasil kajian keberkesanan penggunaan bahan api alternatif ini dilakukan sejak 1980-an.

Tidak cukup dengan itu, pada 1990 hingga 1994, syarikat-syarikat permotoran gergasi dunia seperti Jerman dan Mercedes-Benz melakukan kajian ke atas keupayaan bahan api berasaskan sawit dan mereka mendapati penggunaan bahan api berasaskan sawit sesuai digunakan untuk enjin diesel. Hal ini diperkukuhkan lagi oleh Timbalan Pengarah Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr. Ahmad Ainuddin Nuruddin yang berkata, pembakaran bahan api menggunakan diesel sawit lebih efisien berbanding diesel petroleum, sekaligus membantu mengurangkan pelepasan GHG ke udara berbanding kenderaan yang tiada sistem pembakaran bahan api yang lebih efisien. Hal ini jelas menunjukkan minyak sawit bahan bakar mesra alam yang boleh dikomersialkan pada peringkat nasional secara menyeluruh.

Bagi melestarikan misi dan visi ini, MPOB diberi tanggungjawab

dalam melaksanakan dan menjalankan kajian mengenai minyak sawit sebagai bahan alternatif mesra alam yang lebih bersih secara total untuk dikomersialkan. Langkah drastik MPOB ini sejajar dengan komitmen kerajaan dalam usaha mengurangkan secara sukarela pelepasan intensif GHG kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sehingga 40 peratus menjelang 2020 berdasarkan kadar pelepasan GHG pada 2005.

Perkenal program B5

Sebagai langkah percubaan, program B5 diperkenalkan pada peringkat agensi kerajaan sejak 2009 yang membabitkan kenderaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Hal ini amat penting bagi meminimumkan sebanyak mungkin pelepasan GHG ke udara agar kita dikelilingi persekitaran sihat. Bukti jelas dan terkini berkaitan perkara ini menunjukkan jumlah GHG dihasilkan manusia menyebabkan pemanasan global melampau dengan peningkatan 0.3 daripada 0.7 darjah celsius sejak 1800 lagi.

Dan begitulah di antara satu analogi daripada ribuan langkah yang dilakukan oleh kerajaan melalui MPOB amnya dalam memperkenalkan minyak sawit sebagai bahan api mesra alam ini di semua peringkat agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang secara tidak langsung diharap dapat mengurangkan pelepasan kadar GHG ke udara di sekeliling kita.

Intinya, minyak sawit adalah merupakan bahan api mesra alam yang menyumbang kepada banyak faedah dalam melestarikan lagi bumi kita ini.

INFO

PEMENANG PERTAMA

● Nur Athirah Fauzi

● No. K/P: 981015-11-51660

● SMK Tengku Intan Zaharah, 23000 Dungun, Terengganu

Peraduan mengarang esei Berita Sawit April 2013

Peraduan ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk diberikan di bawah:

Tajuk: "Minyak sawit mempunyai pelbagai keistimewaan. Bincangkan".
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5. Tiga pemenang utama setiap

bulan akan menerima;
Hadiah Pertama : RM250
Hadiah Kedua : RM200
Hadiah Ketiga : RM150
Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran Mei 2013 akan datang.

Syarat Penyertaan

● Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5

● Panjang esei di antara 450-600 patah perkataan

● Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)

● Keputusan juri adalah muktamad

● Tarikh tutup penyertaan ialah pada 22 April 2013

● Hantar penyertaan ke alamat: Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit

Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Mac 2013

Pemenang:
Hadiah Pertama
Nur Athirah Fauzi
(No. K/P: 981015-11-51660)
SMK Tengku Intan Zaharah
23000 Dungun, Terengganu

Hadiah Kedua
Faez Amirul Azman
(No. K/P: 960703-01-5259)
SMKA Maahad Jalan Junid,
84000 Muar, Johor

Hadiah Ketiga
Zakwan Yusoff
(No. K/P: 001128-03-1143)
SMK Batu Muda,
Kampung Batu Muda,
51100 Kuala Lumpur

KUIZ SAWIT siri 28

● Syarat penyertaan

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah;
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang;
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz.
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 22 April 2013
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :

● Ketua Pengarang Berita Sawit

Kuiz Sawit (Siri 28)
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
(UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

Soalan Kuiz Sawit Siri 28

1. Berapakah jangka hayat optima sebatang pokok sawit?
 25 tahun 10 tahun 5 tahun
2. Kursus yang melahirkan pekerja mahir ladang sawit ialah...
 Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) Kursus Ladang Sawit
 Kursus Ladang Sawit.
3. Apakah konsep yang menjadi amalan dalam industri sawit bagi meminimumkan penghasilan dan pembuangan bahan buangan berbahaya ke alam sekitar?
 Konsep Kitar Semula Konsep Pembuangan Sifar
 Konsep Pembuangan Habis
4. MPOB terletak di bawah Kementerian apa?
 Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
 Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
 Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air
5. Apakah warna buah sawit yang masak?
 Kuning jernih Merah pekat Kuning kemerahan
6. Tanaman ini sesuai ditanam di ladang sawit bagi mendapat hasil yang lumayan
 Bayam Kacang botol Pisang
7. Tandan kosong sawit (EFB) dan sisa buangan kilang sawit (POME) dapat menjana tenaga elektrik
 PPIPA IPICEX PDPIPA
8. Negara manakah yang menjadi pengimport utama minyak sawit Malaysia
 China Indonesia Australia
9. Minyak sawit adalah minyak sayuran
 Betul Salah
10. Vitamin E dalam minyak sawit dipercayai dapat melambatkan proses penuaan
 Betul Salah

Borang Penyertaan Siri 28

Nama : _____
Tahap : _____
Alamat Sekolah : _____

Alamat Rumah : _____

No. Tel: _____

Nama pemenang Siri 27

- 1. **Nurin Auni Lathifa Mat Lazim**
Sek. Keb. Taman Tasik Jaya, Seremban, Negeri Sembilan
- 2. **Muhammad Mukhriz Jalani**
Sek. Keb. Dato Raja Melana, Rantau, Negeri Sembilan
- 3. **Nurayuni Safiah Kamarudin**
Sek. Keb. Bandar Sungai Buaya, Rawang, Selangor
- 4. **Nur Syafiqah Ellyana Rosli**
Sek. Keb. Jalan Baharu, Batu 6, Parit Buntar, Perak
- 5. **Muhd Asri Katiman**
Sek. Keb. Sagil, Kampung Ledang, Tangkak, Johor
- 6. **Ghazali Sahib**
Sek. Keb. (1) Selayang Baru, Batu Caves, Selangor
- 7. **Izzat Ikhwan Roslan**
Sek. Keb. Bukit Diman, Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu
- 8. **Mohd Asyraf Razil**
Sek. Keb. Jalan Semenyih, Kajang, Selangor
- 9. **Noor Asikin Rasib**
Sek. Keb. Pengkalan Aur, jalan Taman Kaya, Taiping, Perak
- 10. **Adam Abd Razak**
Sek. Keb. Permatang Tok Mahat, Nibong Tebal, Pulau Pinang



Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, menyampaikan **Skim Bantuan Tanam Semula Sawit** kepada pekebun kecil sempena Program Hello Komoditi di Pagoh, Johor. Turut kelihatan, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin; Pengerusi Lembaga Getah Malaysia, Datuk Ahmad Hamzah (kanan) dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kiri).



Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad bersama Ahli Parlimen Simpang Renggam, Liang Teck Meng (kiri) melihat **demonstrasi memasak menggunakan bahan berasaskan sawit** oleh Chef Adu Amran sempena program Hari Terbuka Stesen Penyelidikan MPOB Kluang.



Tan Sri Bernard Dompok ketika sidang media **selepas majlis penutup Program Hello Komoditi di Tambunan, Sabah**. Turut kelihatan Timbalan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan (duduk dua dari kanan), Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (belakang dua dari kiri).



Datuk Hamzah Zainudin mendengar **penerangan mengenai kebaikan minyak sawit** oleh pegawai penyelidik MPOB, Dr Miskandar Mat Sahri sambil diperhati Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May ketika melawat pameran sempena program Hari Terbuka MPOB Keratong.



Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad menyerahkan **sumbangan RM10,000** kepada Pengarah Keluaran Khas BH, Minarni Mat Saad pada **Majlis serahan derma untuk Tabung Wira Lahad Datu Media Prima** di Ibu Pejabat MPOB, turut hadir Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kiri) dan Pengurus Kanan Pengiklanan Kumpulan NSTP, Wan Rafilin Wan Mohd Noor (kanan).